



*MENTERI Luar, Datuk Seri Anifah Aman. - Foto Ghazali Kori*

PUTRAJAYA: Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, akan mengetuai delegasi Malaysia ke Forum Global United Nations Alliance of Civilizations (UNAOC) Ketujuh di Baku, Azerbaijan bermula esok hingga 27 April.

Wisma Putra dalam kenyataannya hari ini berkata lawatan kerja menteri itu adalah di atas jemputan Elmar Mammadyarov, Menteri Luar Azerbaijan dan Nassir Abdulaziz Al-Nasser, Wakil Tertinggi UNAOC.

UNAOC ditubuhkan pada 2005 atas inisiatif kerajaan Sepanyol dan Turki, di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menggalakkan kefahaman antara kebudayaan yang lebih baik dan membendung ancaman yang menjadi punca kewujudan pengasingan, polarisasi dan ekstremisme dalam masyarakat.

Malaysia menjadi ahli kepada Group of Friends UNAOC semenjak penubuhannya dan telah menyertai kesemua Forum Global UNAOC serta mesyuarat-mesyuarat UNAOC di peringkat pegawai kanan.

Forum UNAOC tahun ini bertemakan "Living Together in Inclusive Societies: A Challenge and A Goal" (Hidup Bersama dalam Masyarakat Inklusif: Satu Cabaran dan Satu Matlamat).

Anifah dijadual menyampaikan ucapan berdasarkan tema forum tersebut di Mesyuarat Group of Friends di peringkat menteri pada 26 April, kata kementerian.

Pembabitian Malaysia di forum ini memberi peluang kepada negara untuk menyumbang kepada perbincangan bagi mengukuhkan peranan Malaysia dalam menggalakkan keamanan dan kesejahteraan sejagat melalui pendekatan kesederhanaan bagi menangani ekstremisme. - BERNAMA

**DISYORKAN**